

VASCOTEN TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RIMUP)

Atenolol (50mg, 100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VASCOTEN
2. Bagaimana VASCOTEN berfungsi
3. Sebelum menggunakan VASCOTEN
4. Cara menggunakan VASCOTEN
5. Semasa menggunakan VASCOTEN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VASCOTEN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan VASCOTEN

VASCOTEN digunakan untuk:

- Merawat darah tinggi (hipertensi)
- Merawat degupan jantung yang tidak teratur (aritmia)
- Membantu mencegah sakit dada (angina)
- Melindungi jantung dalam rawatan awal selepas serangan jantung (infarksi miokardium)

Bagaimana VASCOTEN berfungsi

Bahan aktif dalam ubat anda ialah atenolol. Ia tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai *beta-blockers* dan ia mempunyai kesan ke atas jantung dan peredaran darah anda.

Sebelum menggunakan VASCOTEN

- Bila tidak boleh digunakan

Jangan menggunakan VASCOTEN jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap atenolol dan bahan-bahan lain dalam tablet VASCOTEN.
- Anda pernah mengalami masalah jantung yang berikut: kegagalan jantung yang tidak terkawal (ia biasanya menyebabkan anda tercungap-cungap dan menyebabkan pergelangan kaki anda membengkak); sekatan jantung (keadaan yang boleh dirawat dengan menggunakan perentak jantung); jantung yang sangat perlahan atau tidak sekata, tekanan darah yang sangat rendah atau peredaran yang sangat lemah, sindrom sinus sakit.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda hamil atau cuba untuk hamil, Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat termasuk VASCOTEN.

Penyusuan tidak disarankan untuk ibu-ibu yang mengambil VASCOTEN.

- Sebelum menggunakan VASCOTEN

Beritahu doktor anda jika anda:

- berhamil
- mengalami diabetes; ubat anda mungkin berubah mengikut respons anda terhadap gula darah rendah. Anda mungkin terasa denyutan jantung semakin cepat.
- mengalami masalah tiroid (atau tiroid yang terlalu aktif)
- mengalami sejenis *angina* yang dikenali sebagai *Prinzmetal's angina*
- mempunyai sejarah alahan
- mempunyai atau pernah mengalami keadaan kulit *psoriasis*
- mempunyai penyakit buah pinggang
- mengalami kesukaran dalam pernafasan, asma atau bronkitis kronik; jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai sejarah pernafasan bersiul atau asma; rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda dulu.
- Jari-jari tangan dan kaki sejuk, kebas atau menjadi biru (contohnya fenomena *Raynaud's*)
- mempunyai peredaran darah yang lemah atau kegagalan jantung yang terkawal
- mengalami kesekatan jantung

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sebelum memulakan rawatan anda perlu memberitahu doktor jika anda sedang mengambil ubat-ubatan yang berikut:

- Ubat anestetik
- Ejen-ejen *antiarrhythmic* (ubat-ubatan yang mempengaruhi irama denyutan jantung contohnya *disopyramide*, *quinidine*, *amiodarone*)
- Ubat untuk merawat kemurungan
- Ubat untuk masalah jantung (*digoxin*)
- Ubat untuk tekanan darah tinggi (seperti *verapamil*, *diltiazem*, *nifedipine* atau *beta-blockers* yang lain, *clonidine*)
- Ubat untuk merawat kencing manis
- *barbiturates*, *phenothiazines* (ubat untuk merawat penyakit mental)
- Ubat untuk merawat batuk dan selesema, ubat anti-radang bukan steroid (seperti *ibuprofen* atau *indomethacin*) dan termasuk sebarang ubat yang boleh dibeli

tanpa preskripsi

Cara menggunakan VASCOTEN

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa dijelaskan di bawah:

Dewasa

- Tekanan darah tinggi (hipertensi): dos biasa ialah 50mg hingga 100mg sehari.
- Sakit dada (angina): dos biasa ialah 100mg sehari atau 50mg dua kali sehari.
- Degupan jantung tidak sekata (aritmia): dos biasa ialah 50mg hingga 100mg sehari.
- Rawatan awal serangan jantung (infarksi miokardium): dos biasa ialah 50mg hingga 100mg sehari.

Kanak-kanak:

Ubat anda tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

Warga tua:

Jika anda seorang warga emas, doktor anda mungkin memutuskan untuk memberi anda dos yang lebih rendah, terutamanya jika anda mempunyai masalah dengan buah pinggang anda.

Masalah buah pinggang:

Jika anda mempunyai masalah buah pinggang yang teruk, doktor anda mungkin memutuskan untuk memberi anda dos yang lebih rendah.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa ambil VASCOTEN seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor anda jika tidak pasti.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda, ia mungkin berbahaya untuk berhenti tanpa nasihat mereka.

- Jika terlupa menggunakan

Ambilkan dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hamper untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa yang biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

VASCOTEN TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RIMUP)

Atenolol (50mg, 100mg)

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil dos yang berlebihan, hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera. Atau pun, pergi ke hospital yang terdekat. Selalu ambil bungkusan ubat dengan anda supaya mereka tahu ubat apa yang diambil.

Semasa menggunakan VASCOTEN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ubat ini perlu diambil seperti yang diarahkan - ditelan dengan segelas air. Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil VASCOTEN.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda dinasihatkan untuk mengelakkan alkohol semasa mengambil ubat ini. Bincang dengan doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan berikan VASCOTEN kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Bincang dengan doktor anda sebelum sebarang pembedahan. VASCOTEN perlu dihentikan sebelum anda diberi anestetik am.

Memandu dan menggunakan jentera

VASCOTEN boleh menyebabkan anda berasa mengantuk atau pening. Pastikan anda tidak terjejas sebelum anda memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti dengan semua ubat-ubatan, VASCOTEN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Ia termasuk:

- kesejukan atau kekebasan jari-jari kaki dan tangan (termasuk fenomena *Raynaud's* atau *intermittent claudication*), keletihan otot dan kadang-kadang perubahan dalam ritma jantung (termasuk kadar jantung yang perlahan atau kesekatan jantung) tekanan darah rendah, kegagalan jantung
- kekeliruan, perubahan mood, pening, sakit kepala, gangguan tidur, psikosis dan halusinasi
- merasa sakit atau sakit, cirit birit, mulut kering

- masalah kulit, terutamanya ruam
- kesukaran untuk bernafas
- mata kering, penglihatan cacat
- keguguran rambut

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan di atas atau anda mengalami sebarang simptom yang luarbiasa, berhenti mengambil ubat anda dan hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [Consumers → Reporting Medicines (CONSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan VASCOTEN

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak
- Simpan di bawah 30°C di dalam bungkusan asal.

- Pelupusan

- Jangan menggunakan ubat selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.
- Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda untuk cara melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.
- Kembalikan sebarang tablet yang tertinggal kepada ahli farmasi supaya mereka boleh melupuskannya.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet VASCOTEN 50mg bersalut filem, merah, bulat, cekung, mempunyai garisan skor pada satu sisi, dan timbulan huruf "S" di sisi yang lain dengan diameter nucleus 9.0mm

Tablet VASCOTEN 100mg bersalut filem, putih, bulat, cekung, mempunyai garisan skor pada satu sisi, dan timbulan huruf "H" di sisi yang lain dengan diameter nucleus 11.0mm

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

VASCOTEN 50mg Tablet mengandungi 50mg atenolol

VASCOTEN 100mg Tablet mengandungi 100mg atenolol

- Bahan tidak aktif

VASCOTEN 50mg dan 100mg juga mengandungi Magnesium carbonate heavy, Starch, pregelatinised, Sodium laurilsulfate, Magnesium stearate, Purified water¹, Opadry white, Red iron oxide (E-172)²

¹ Tidak terdapat dalam produk siap

² Hanya termasuk dalam Vascoten 50mg

- Nombor MAL

VASCOTEN 50mg Tablet
MAL19900629AZ
VASCOTEN 100mg Tablet
MAL19900523AZ

Pengilang

MEDOCHEMIE LTD (Central Factory),
1-10, Constantinoupolis Street, 3011
Limassol, Cyprus

Pemegang Pendaftaran Produk

KOMEDIC SDN BHD, 4 Jalan PJS
11/14, Bandar Sunway, 46150 Petaling
Jaya, Selangor D.E.

Tarikh kemaskini

21-12-2022

Nombor siri

NPRA(R2/1)210205/617